

BAHAGIAN PENCEGAHAN ATIPSOM & AMLA

UNIT OPS ATIPSOM

- i. Membanteras aktiviti dan sindiket yang menyalahi Akta Anti pemerdagangan orang dan penyeludupan migran (ATIPSOM)
- ii. Mengadakan kerjasama strategik dengan lain-lain agensi Penguatkuasa dalam dan luar negara bagi menangani isu pemerdagangan orang dan penyeludupan migran serta jenayah rentas sempadan
- iii. Menerima fail aduan maklumat dari Unit Aduan untuk tindakan operasi
- iv. Menjalankan risikan, operasi dan siasatan kes-kes ATIP
- v. Mendapatkan arahan operasi dan mengenalpasti lokasi dan sasaran operasi
- vi. Menyediakan Memo Perintah Gerakan Operasi
- vii. Menyediakan senarai anggota, peralatan dan kenderaan bagi kegunaan operasi
- viii. Melaksanakan operasi sama ada secara kepungan/ serbuan/ geledah, pemeriksaan dokumentasi dan pengecaman ke atas mangsa dan pemangsa dan menyelamatkan
- ix. Menangkap OKT dan membuat iringkawal ke Pejabat/ Balai Polis dan membuat laporan polis
- x. Mengambil cap jari OKT dan mendaftar maklumat OKT ke dalam MYIMMS
- xi. Membuat Laporan Awal Operasi (FIR) dan melaporkan kepada Unit Siasatan
- xii. Membuat Iringkawal OKT ke Depot Tahanan Imigresen/ Balai Polis
- xiii. Menjalankan aktiviti risikan atas aduan/maklumat dan menyediakan laporan awal bagi tujuan operasi

UNIT SIASATAN ATIPSOM

- i. Memantau status kes ATIP di Ibu Pejabat dan negeri serta status Perintah Perlindungan (IPO dan PO)
- ii. Mengesan, memantau, membasmi dari segala ancaman dalam konteks imigresen
- iii. Melindungi dan menyelaraskan bantuan kepada orang-orang yang diperdagangkan
- iv. Mengenalpasti pelaku yang terlibat dalam Antipemerdagangan orang dan Antipenyeludupan Migran 2007
- v. Bekerjasama dengan Agensi yang terlibat dalam menguatkuasakan Akta AntiPemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007
- vi. Mengumpul statistik dan laporan tangkapan kes ATIP di negeri-negeri/Ibu Pejabat dan menyalurkan kepada MAPO, Jabatan Peguam Negara dan PDRM
- vii. Siasatan ke atas pemangsa dan mangsa

UNIT PENGHANTARAN PULANG MANGSA

- i. Memantau status kes ATIP di Ibu Pejabat dan negeri bagi tujuan menguruskan penghantaran pulang mangsa
- ii. Menyelaraskan dan bekerjasama dengan Rumah Perlindungan (RP) di bawah seliaan KWKK untuk persiapan penghantaran pulang
- iii. Berurusan dengan pihak kedutaan serta KDN bagi menguruskan dokumen perjalanan dan pembiayaan kos perjalanan bagi penghantaran pulang mangsa

UNIT PENGURUSAN & PERHUBUNGAN ANTARABANGSA

- i. Mengadakan jalinan hubungan dan kerjasama dengan institusi perbankan, bank negara dan lain-lain agensi yang boleh membantu siasatan dan tindakan dibawah ATIPSOM dan AMLA
- ii. Memastikan pengurusan rekod-rekod siasatan dan barang kes disimpan selamat dan dapat di akses dengan cepat
- iii. Menguruskan semua hal ehwal pentadbiran Unit AMLA
- iv. Menyediakan SOP, Pekeliling, Fail Meja, Rekod & Fail berkaitan pegawai dan Unit AMLA
- v. Urusetia dan platform komunikasi antara pegawai penyiasat di negeri-negeri
- vi. Menyediakan kursus dan latihan untuk pegawai penyiasat
- vii. Menganjurkan dialog dan pendedahan mengenai penguatkuasaan AMLA untuk pegawai, majikan, NGO, dan masyarakat
- viii. Menyediakan kertas kerja, bajet dan sebagainya untuk perjalanan berkesan Unit AMLA
- ix. Menghadiri mesyuarat, konvensyen, dialog, forum dan sebagainya berkaitan AMLA PERHUBUNGAN ANTARABANGSA
- x. Mengadakan kerjasama dengan Bank Negara Malaysia mengenai pelaksanaan AMLA
- xi. Mengadakan kerjasama dengan Agensi Penguatkuasa dan Jabatan lain dalam aspek penguatkuasaan dan pembekuan aset
- xii. Mengadakan kerjasama dengan Institusi Kewangan dalam aspek mendapat maklumat kewangan dan pembekuan akaun bank.
- xiii. Mengadakan kerjasama dengan agensi penyiasat antarabangsa melalui platform yang disediakan khususnya melalui Bank Negara Malaysia
- xiv. Menghadiri program-program anjuran agensi penguatkuasa antarabangsa

UNIT SIASATAN AMLA

- i. Menjalankan siasatan ke atas kes-kes kesalahan berat di dalam jadual kedua Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada aktiviti haram 2001 (AMLATFPUAA) berkaitan kesalahan dibawah Akta Imigresen, Akta Pasport dan ATIPSOM
- ii. Mengurus laporan tangkapan kes Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram 2001 (AMLA) di Ibu Pejabat dan negeri-negeri untuk disalurkan kepada pengurusan bahagian
- iii. Mengurus pengurusan maklumat-maklumat berkaitan statistik dan laporan kes tangkapan AMLA
- iv. Memantau status kes AMLA di Ibu Pejabat dan negeri-negeri
- v. Memberi ceramah dan pendedahan berkaitan Akta AMLA kepada pegawai-pegawai Imigresen dalam bentuk kursus dalaman dan luaran
- vi. Menjalankan risikan dan siasatan kes-kes AMLA
- vii. Mengenalpasti pelaku yang terlibat dalam AMLA untuk diambil tindakan perundangan
- viii. Bekerjasama dengan agensi-agensi yang terlibat dalam menguatkuasakan Akta AMLA